

Jurnal Komunikasi
Malaysian Journal of Communication
Jilid 31(2) 2015: 195-210

KONTROVERSI PROGRAM “*I WANT TO TOUCH A DOG*” DALAM MEDIA KONTEMPORARI DARIPADA PERSPEKTIF MELAYU

MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH & MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Isu menyentuh anjing dalam program *I Want to Touch a Dog* di Petaling Jaya akhir tahun 2014 menimbulkan kontroversi dalam kalangan masyarakat Melayu Islam Malaysia. Isu semasa yang disiarkan oleh media massa kontemporari itu amat mengganggu sensitiviti agama dan emosi kebanyakan orang Melayu daripada segenap lapisan. Hal ini adalah disebabkan oleh pertentangan dengan nilai dan norma budaya Melayu. Oleh itu penelitian ini dijalankan untuk melihat survival pemikiran Melayu dalam mendepani penganjuran suatu perbuatan yang amat terlarang dalam konteks rasa, pemikiran, akhlak dan budaya Melayu. Melalui perkhidmatan media massa kontemporari data utama penelitian diambil. Kandungan berita-berita sensasi mengenai isu diteliti dan diinterpretasi menurut realiti Melayu Islam. Kajian menunjukkan peranan media massa dan ahli komuniti yang terdiri daripada pelbagai lapisan seperti pemimpin Melayu walaupun berbeza fahaman politik, ulama, tokoh masyarakat dan masyarakat umumnya bersatu hati dan tindakan untuk membendung isu ini daripada terus merebak.

Kata kunci: *Kontroversi, Melayu, media, budaya, pemikiran.*

CONTROVERSY OF “*I WANT TO TOUCH A DOG*” PROGRAMME IN THE CONTEMPORARY MEDIA FROM MALAY PERSPECTIVE

Abstract

The “I want to touch a dog” programme held in Petaling Java end of 2014 has caused a controversy among Malay Muslims in Malaysia current issues published by the contemporary mass media has stirred religious sensitivities and emotions of main Malays. This is due to its conflict and contradictions with the values and norms of the Malay culture. Therefore, this study was conducted to see the survival of thoughts among the Malays in lacing public acts and events that is forbidden in the context of touch, thought, moral and culture. Data was collected from the contemporary mass media. Sensational news content about the issue were examined and interpreted in accordance with the reality of Malay Muslims. Research shows strong solidarity of voices in the mass media from various community members such as Malay leaders, scholars, community leaders and members to curb this issue from spreading despite belonging to different political affiliations.

Keywords: *Controversy, Malay, media, culture, thought.*

PENDAHULUAN

Akhir tahun 2014, masyarakat Malaysia disibukkan dengan sebuah isu kontroversi bersifat sosial dan keislaman di media massa tempatan. Isu tersebut ialah isu penganjuran program *I Want to Touch a Dog* di Petaling Jaya. Isu ini mencabar karakter Melayu Islam terhadap haiwan anjing. Artikel berita akhbar tempatan yang disiarkan bersama foto beberapa peserta Melayu Islam yang memeluk anjing dan sebagainya menjadikan isu ini semakin diberi perhatian ramai.

Pada adatnya, Orang Melayu tidak memelihara anjing sebagai haiwan peliharaan di rumah, di sawah dan seumpamanya. Budaya hidup orang Melayu Islam sejak awal dipengaruhi oleh Mazhab Syafii yang memandang haiwan anjing sebagai najis mughallazah. Oleh itu orang Islam dilarang sama sekali dari menyentuhnya dan jika tersentuh, diwajibkan melakukan samak untuk penyucian.

Pada dasarnya, hukum di atas agak sulit berbanding hukumnya pada mazhab-mazhab Ahli Sunnah yang lain, namun pada umumnya, orang Melayu sudah

selesa menerima dan mengamalkannya dalam budaya hidup sosial mereka sejak zaman berzaman walaupun mereka sedar orang Islam di tempat lain tidak semuanya sama seperti mereka dalam aspek ini.

Dari sudut sejarah, kontroversi mengenai anjing dalam masyarakat Melayu pernah terjadi dalam tahun tiga puluhan atau lebih tepat pada 1937 di Kelantan. Isu atau kes ini dikategorikan sebagai permasalahan *talfiq* yang diperselisihkan tentang keharusannya oleh Kaum Tua dan Kaum Muda semasa itu. Lebih spesefik, kedua-dua aliran berselisih pendapat mengenai hukum bekas jilatan anjing. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1997; Nik Abd. Aziz bin Haji Nik Hassan, t.th.) Sebagai pencerahan *talfiq* bermaksud menggabung pelbagai pandangan dari pelbagai mazhab sehingga melahirkan amalan yang tidak dapat diterima. (Qal'ji, Muhammad dan Qanibi, Hamid Sadiq, 1988)

Pihak-pihak yang terlibat dalam polemik tersebut adalah pihak istana, para mufti dan ulama berkaliber termasuk rakyat Kelantan umumnya. Bahkan isu ini diangkat kepada hadrat Shaikh al-Azhar sewaktu itu, al-Shaykh al-Imam al-Akbar Muhammad Mustafa al-Maraghi dan beliau telah mengeluarkan kenyataan rasmi bagi menyokong pendapat Kaum Muda yang bertalfiq kepada Mazhab Maliki dalam masalah ini.

Realitinya, sehingga kini, masyarakat Melayu termasuk di Kelantan tetap tidak membela anjing di rumah mereka sebagai haiwan peliharaan di samping kucing, ayam itik dan lain-lain. Bahkan orang Melayu keseluruhannya masih senang mengikut Mazhab Syafii dengan melakukan samak jika tersentuh anjing.

Seterusnya pada tahun 2013, seorang wanita Melayu Islam yang dikatakan berkerja sebagai pelatih anjing memuat naik videonya berhari raya bersama anjing-anjingnya dalam *Youtube*. Video itu dirakam olehnya pada tiga tahun sebelumnya dan diviralkan pada 2013. Paparan video tersebut dikecam oleh orang ramai kerana melibatkan penghinaan kepada Islam seperti berlatarsuarakan gema takbir raya dan adegan mewudukkan anjing. Tokoh-tokoh masyarakat dan pihak Jakim menganggap kandungan video pendek tersebut sebagai suatu penghinaan terhadap Islam. (astroAWANI, 2013)

Berbalik kepada isu penganjuran program *I Want to Touch a Dog* pada tahun 2014 di atas, sekali lagi konflik mengenai haiwan anjing dalam budaya masyarakat Melayu timbul dan berlarutan lebih daripada dua bulan. Ia bukanlah isu perbezaan pendapat antara mazhab-mazhab Islam, tetapi isu budaya agama lokal yang diamalkan oleh masyarakat setempat yang perlu dihormati. Banyak pihak tampil menyuarakan pandangan masing-masing bermula dari pucuk pimpinan, ulama sehinggalah kepada seluruh warga masyarakat Melayu Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Penelitian ini dilakukan untuk melihat survival budaya dan pemikiran Melayu menerusi media kontemporari. Dalam masa yang sama, penelitian dibuat untuk meninjau sikap dan pendirian masyarakat Melayu dalam mempertahankan budaya Melayu Islam mereka.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini bersifat etnografi menggunakan analisis kandungan terhadap teks-teks akhbar nasional berkenaan isu program *I Want to Touch a Dog*. Penelitian etnografi di sini menumpu kepada sikap atau tingkah laku bangsa Melayu terhadap isu program di atas dari sudut budaya. Penelitiannya mengambil kira tempoh kontraversi kes berlaku serta interpretasi pengkaji dengan penaakulan dan perbincangan terhadap isu berdasarkan kandungan data dan pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada tentang budaya Melayu serta hal-hal bersangkutan dengannya. Di akhir kajian, dikemukakan suatu kesimpulan yang boleh diterima sebagai keputusan.

DATA KAJIAN

Data kajian hanya dikumpulkan dari dua akhbar nasional utama di negara Malaysia iaitu *Berita Harian* dan *Utusan Melayu*. Kedua-dua akhbar merupakan dua akhbar dominan berbahasa Melayu paling berprestij. Rangkuman dan sajian berita dalam kedua-duanya sentiasa ditunggu-tunggu oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia setiap hari.

SOROTAN ISU KEMPEN *I WANT TO TOUCH A DOG* DALAM AKHBAR TEMPATAN

Berikut dicatitkan beberapa tarikh dan petikan maklumat utama daripada tajuk-tajuk berita terpenting dari dua akhbar tempatan utama di Malaysia iaitu *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* menyentuh program *I Want to Touch a Dog*.

Dalam akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh antara 21 Oktober sehingga 10 Disember 2014 ditemui tajuk-tajuk berita seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Tajuk-tajuk Berita Program *I Want to Touch a Dog* dalam Akhbar *Utusan Malaysia* 2014

Tajuk Berita	Tempat dan Tarikh	Kandungan Pilihan
Bukan semuanya boleh dihalalkan	Tanpa tempat 21 Oktober	Keliru. Betul-betul keliru. Hairan pun ada. Kenapa sampai perlu diadakan kempen yang satu ini dengan tumpuan diberikan kepada orang Islam pula? Adakah kerana kes penganiayaan dan penderaan haiwan ini di negara kita cukup membimbangkan sehingga perlu diadakan kempen seumpama itu?

Jakim siasat unsur penyamaran penganjur sentuh anjing	Kuala Terengganu 23 Oktober	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri untuk menyasiat kemungkinan wujud unsur penyamaran oleh penganjur program 'Saya Mahu Sentuh Anjing' yang mendapat kecaman hebat umat Islam. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, langkah itu bagi mengenal pasti sejauh mana dakwaan penyamaran oleh penganjur program terbabit.
Syed Azmi akui program <i>I Want to Touch a Dog</i> ada kelemahannya	Petaling Jaya 25 Oktober	Penganjur program ' <i>I Want to Touch a Dog</i> ', Syed Azmi Alhabshi mengakui, terdapat kelemahan dalam acara berkenaan sehingga menyinggung perasaan umat Islam di negara ini.
Penghinaan terhadap agama Islam berterusan sekiranya umat Islam tidak bersatu	Putrajaya 25 Oktober	Usaha menghina agama Islam seperti penganjuran minum arak secara terbuka, Oktoberfest, dan program ' <i>I Want to Touch a Dog</i> ' akan digerakkan secara terang-terangan sekiranya umat Islam tidak bersatu, kata Tokoh Maal Hijrah 1436H Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman....
Program sentuh anjing: Syed Azmi mohon maaf	Petaling Jaya 25 Oktober	Penganjur program ' <i>I Want to Touch a Dog</i> ' (IWTAD) Syed Azmi Alhabshi hari ini memohon maaf atas perasaan tidak senang yang berbangkit akibat perbuatan segelintir peserta memeluk dan mencium anjing pada program itu di sini Ahad lalu.... 25 Oktober 2014.
Penganjur program sentuh anjing minta maaf	Kuala Lumpur 25 Oktober	Setelah menerima kecaman hebat, penganjur program <i>I Want to Touch a Dog</i> , Syed Azmi Alhabshi akhirnya tampil meminta maaf di atas perbuatannya menyinggung sensitiviti umat Islam di negara ini. 26 Oktober 2014.
Hentikan provokasi	Tanpa tempat 26 Oktober	Penganjuran program pegang anjing, ' <i>I Want to Touch a Dog</i> ' melibatkan umat Islam baru-baru ini dikecam pelbagai pihak kerana dilihat sebagai jarum halus untuk menghalalkan apa yang haram secara perlahan-lahan.
Sentuh anjing: Jakim jumpa penganjur 6 Nov	Kuala Lumpur 27 Oktober	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan memanggil penganjur kempen <i>I Want to Touch a Dog</i> , Syed Azmi Alhabshi pada 6 November ini untuk mendapatkan penjelasan sebenar mengenai penganjuran program itu yang menimbulkan perasaan tidak senang masyarakat Islam di negara ini. - 28 Oktober 2014.
Tidak bersungguh minta maaf	Ipoh 27 Oktober	Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria menyifatkan permohonan maaf oleh penganjur program <i>I Want to Touch a Dog</i> , Syed Azmi Alhabshi kelmarin sebagai satu permainan semata-mata dan tidak dibuat dengan bersungguh-sungguh. 28 Oktober 2014.

Jakim serah kepada MAIS ambil tindakan	Putrajaya 6 November	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menegur dan menasihatkan penganjur 'I Want to Touch a Dog' supaya tidak lagi menganjurkan program seumpama itu pada masa-masa akan datang kerana telah menyentuh sensitiviti umat Islam di negara ini...6 November 2014.
Gagal fahami perlembagaan	Kuala Lumpur 9 Disember	Ancaman liberalisme dan pluralisme agama dikenal pasti sebagai penyumbang tertinggi kepada penghinaan ke atas kesucian agama Islam sejak kebelakangan ini.... Mengenai status siasatan program <i>I Want to Touch a Dog</i> pula, Jamil Khir berkata, isu itu selesai apabila penganjur memohon maaf selain diberi amaran agar tidak menganjur kembali program tersebut.-10 Disember 2014

Sementara dari akhbar *Berita Harian* ditemui tajuk-tajuk berita seperti dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Tajuk-tajuk Berita Program *I Want to Touch a Dog* Dalam Akhbar *Berita Harian* 2014

Tajuk Berita	Tempat dan Tarikh	Kandungan Pilihan
JAKIM siasat program 'I Want to Touch a Dog'	Kuala Terengganu 20 Oktober	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan menyiasat penganjuran acara 'I Want to Touch a Dog'.
Akaun Facebook 'I Want to Touch a Dog' didapati ditutup	Tanpa tempat 21 Oktober	Akaun Facebook 'I Want to Touch a Dog' yang menyokong kempen memegang dan membelai anjing sudah ditutup berikutan catatan dan ...
Penganjur mohon maaf	Tanpa tempat 25 Oktober	Program "I Want to Touch a Dog" - Penganjur mohon maaf
Penganjur "I Want to Touch a Dog" mohon maaf	Tanpa tempat 25 Oktober	SYED Azmi Alhabsi bersama peguam, Syahredzuan Johan (kanan) pada sidang media mengenai isu "I Want to Touch a Dog" di Petaling ...
JAKIM temui penganjur 'I Want to Touch a Dog' 6 November	Kuala Lumpur 25 Oktober	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan mengadakan pertemuan dengan penganjur 'I Want to Touch a Dog' pada ...

Program cuba cemar imej Islam	27 Oktober	Anjing menjadi perhatian sepanjang minggu ini gara-gara penganjuran program <i>I Want to Touch a Dog</i> yang bukan saja bercangah dengan hukum Allah
Panel Pakar Syariah tegur penganjur 'I Want to Touch a Dog'	Kuala Lumpur 6 November	Panel Pakar Syariah (PPS) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menegur dan menasihatkan pihak penganjur ...

Bagi menangani masalah ini, pihak Jakim pada 20 Oktober 2014, telah mengeluarkan satu kenyataan rasmi tentang penganjuran program tersebut. Kenyataan tersebut berbentuk kenyataan media oleh Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia berkenaan penganjuran kempen *I Want to Touch a Dog*. Berikut dibawakan teks kenyataan rasmi tersebut:

Pertama sekali Jakim ingin membuat teguran kepada pihak penganjur yang telah mengadakan kempen memegang anjing secara sengaja dan terbuka kepada umum termasuk mereka yang beragama Islam tanpa sebarang sebab yang munasabah. Hal ini sekaligus telah menimbulkan keresahan awam khasnya dalam kalangan umat Islam kerana secara jelas telah menyanggah pegangan mazhab dan uruf/ adat di Malaysia. Menurut Mazhab Syafii, umat Islam adalah dilarang menyentuh anjing secara sengaja kerana menjajiskan diri tanpa tujuan yang munasabah adalah haram disisi Islam.

Walaupun Islam meletakkan kaedah sertu apabila terkena najis yang dikategorikan sebagai 'mughallazah' namun kaedah tersebut bukanlah alasan untuk membolehkan seseorang itu memegang najis mughallazah secara sengaja. Tindakan tersebut samalah seperti orang yang sengaja melakukan dosa dengan alasan akan bertaubat kemudiannya.

Justeru, tindakan pihak penganjur adalah dikhuatiri mempunyai agenda terselindung dan secara jelas dilihat seolah-olah cuba mencipta budaya baru dan boleh membawa kepada perbuatan menghina Islam.

Suka Jakim tegaskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berpegang kepada Mazhab Syafii sebagai mazhab rasmi. Justeru, peranan Jakim adalah untuk memastikan umat Islam di negara ini mengamalkan syariat yang tidak menyalahi Mazhab Syafii.

Pada dasarnya Islam tidak memandang keji kepada binatang anjing sebagai salah satu makhluk Allah. Apatah lagi untuk

menyiksa, memukul dan membunuh anjing tanpa sebab adalah sama sekali bertentangan dengan ajaran Islam. Malah anjing tetap wajar diberi kasih sayang, belas ehsan dan dijaga kebajikannya.

Walau bagaimanapun, dalam Mazhab Syafii, umat Islam tidak dibenarkan untuk menjadikan haiwan tersebut sebagai binatang peliharaan. Jakim telah mengulas lanjut isu berhubung kedudukan anjing dalam Islam serta hukum berkaitannya melalui portal fatwa Jakim di blog fatwa Malaysia. (e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, 2013)

Kedua, Islam mewajibkan semua umatnya untuk memelihara kesucian diri, pakaian dan tempat agar ia tidak menjejaskan amal ibadah seharian.

Dalam perkara ini, Jakim bercadang untuk memanggil pihak penganjur bagi mendapatkan penjelasan selanjutnya. Sekian, terima kasih. (Facebook Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Government Official, 2014)

PERBINCANGAN

Secara ringkasnya, pihak akhbar melaporkan bahawa penganjur program *I Want to Touch a Dog* menjelaskan kebaikan asal niat dan tujuan penganjuran mereka yang sebenarnya dalam kempen tersebut iaitu supaya mengatasi perasaan takut terhadap anjing, cara pengendalian termasuk membantu anjing jikalau ia berada dalam kesulitan dan batasan bersama anjing dalam konteks agama Islam. Mereka tidak sama sekali menggalakkan anjing sebagai binatang peliharaan. Usaha mereka menunjukkan ia adalah proses pembelajaran untuk mengenali makhluk Allah. Buktinya diprogramkan pengajaran cara serti (samak) oleh ustaz jemputan bernama Ustaz Iqbal Parjin.

Menurut penganjur lagi, aksi segelintir peserta memeluk dan mencium anjing dalam program itu adalah di luar jangkauan dan mereka tidak berupaya mengawal sepenuhnya. Dalam pada itu, penganjur tetap menganggap ada kejayaan yang dicapai dalam program tersebut iaitu dari sudut niat mahu membantu mengatasi perasaan takut kepada anjing dan mengajar cara yang betul mengendalikan anjing sekiranya perlu seperti ketika kecemasan dan kaedah melakukan samak.

Juga, daripada sekian berita yang disiarkan di atas, jelas bahawa para pemimpin Melayu, pihak berwenang seperti JAKIM, JAIS dan MAIS, ahli politik serta alim ulama Melayu kontemporari menolak penganjuran program *I want to Touch a Dog* tersebut walaupun atas alasan-alasan yang telah diberikan oleh penganjur.

Bagi pihak pemimpin Melayu dan mereka yang sependapat, keharmonian yang sedang dikecapi dalam negara dengan mengekalkan budaya sikap Melayu terhadap haiwan anjing seperti yang sedia ada sejak dahulu sehingga hari ini

sudah memadai daripada mencambahkan pemikiran dan budaya baru. Mereka berharap perkara tersebut tidak diperbesarkan kerana keadaan dan fahaman orang Melayu yang ada pada hari ini terhadap anjing tidak sedikitpun mengancam kehidupan anjing atau menghinanya.

Akhirnya satu kesefahaman bersama telah dicapai selepas pertemuan dan rundingan antara penganjur program dan pihak Jakim. Kontroversi yang berlarutan selama dua bulan itu, akhirnya dapat dihentikan apabila pihak penganjur berlapang dada dan bersedia memohon maaf atas keterlanjuran mengadakan program seperti itu.

Secara keseluruhannya, hasil dari pengamatan terhadap kontroversi di atas menerusi teks-teks akhbar di atas, beberapa perkara perlu dititikberatkan iaitu:

1. Kedudukan Islam sebagai teras budaya Melayu

Hal ini bukan boleh dipermain-mainkan. Masyarakat Melayu Islam sudah sebatian dengan Islam sebagai teras budaya bangsa Melayu. Bahkan dalam Undang-Undang Malaysia yang di bawahnya dinyatakan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 160(2), hlm. 179, menyatakan:

"Orang Melayu" ertinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat Melayu dan— (a) yang lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau Singapura atau yang lahir sebelum Hari Merdeka dan ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau yang pada Hari Merdeka berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau (b) ialah zuriat seseorang yang sedemikian;

Orang Melayu yang beragama Islam di setiap negeri di Malaysia dipercayai setia mengamalkan fekah Mazhab Syafii sejak dari zaman awal Islam di Nusantara sehingga sekarang. Selain daripada bukti sejarah kedatangan Islam ke sini, bukti-bukti warisan pemikiran bertulis seperti karya-karya para ulama Melayu seperti kitab *al-Sirat al-Mustaqim* oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri, kitab *Sabil al-Muhtadin* oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, kitab *Bughyat al-Tullab* karya Syeikh Daud al-Fatani dan lain-lain serta rang undang-undang Islam dari serata negeri Melayu zaman silam di Nusantara seperti Kanun Melaka dan lain-lain adalah digarap menurut disiplin Mazhab Syafii.

Bahkan sehingga ke hari ini, enakmen-enakmen Syariah di negeri-negeri Melayu di Malaysia adalah berdasarkan Mazhab Syafii walaupun dikatakan hal ini dikecualikan di Perlis. Beberapa penulisan akademik lepas tentang sejarah dan perkembangan Mazhab Syafii di Nusantara telah melunaskan permasalahan ini dengan luas. (Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid. 2007; Idris Awang & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2007)

Bertolak daripada premis di atas, orang Melayu telah sinonim dengan pemikiran dan amalan Mazhab Syafii dalam diri, keluarga, masyarakat dan negara mereka. Hasil daripada fenomena ini, umat Islam dunia khususnya dari Timur Tengah hanya mengenal masyarakat Melayu di peringkat antarabangsa

sebagai orang Islam bermazhab Syafii. Realiti ini ditegaskan dalam teks-teks tulisan mereka tentang umat Melayu.

Orang Melayu lazimnya mengamalkan budaya berteraskan agama Islam sahaja. Islam telah berdifusi ke dalam setiap sudut dan bidang kehidupan mereka. Lebih-lebih lagi Islam sendiri merupakan agama yang syumul yang merancang segalanya kepada penganut tanpa terkecuali suatu apapun sama ada daripada soal keduniaan mahupun keakhiratan.

Oleh itu antara perkara terpenting dari dunia orang Melayu yang berasimilasi dengan Islam ialah adat budaya dan pemikiran. Jika dikatakan sebelum ini mereka mengamalkan Mazhab Syafii maka tentu segala pemikiran fekah Mazhab Syafii dijadikan pegangan dan ikutan. Antara pegangan Mazhab Syafii ialah menganggap anjing sebagai najis mughallazah sama seperti babi. Maka orang Melayu tidak mendekati anjing lebih-lebih lagi untuk menyentuhnya. Orang Melayu diajar supaya tidak menyentuh najis lebih-lebih lagi jika najis itu mughallazah.

2. Anjing dalam pandangan Islam

Anjing merupakan haiwan yang sangat bertuah kerana penghulunya iaitu yang dipanggil Qitmir (Al-Shanqiti, Muhammad Amin, 1995) telah disebutkan bersama dalam surah al-Kahfi ayat ke-22 sebagai sahabat ahli al-Kahfi yang dilindungi dan dirahmati Allah dengan berkat-Nya.(Al-Quran) Oleh itu tanpa kita sedari ramai dari kalangan orang Melayu sejak sekian lama sehingga saat ini masih mengambil berkat dari ahli al-Kahfi dalam penjagaan dan pemeliharaan diri, pekerjaan dan harta benda mereka dengan membuat azimat, wafaq dan sebagainya.(Mohd Nizam Sahad. 2015)

Namun dari variasi pandangan dan hukum Islam terhadap anjing menunjukkan kepada keunikan dan keistimewaan haiwan ini dalam syariat Islam. Lagipun haiwan ini agak berbeza daripada kebanyakan haiwan lain kerana mempunyai dua kemungkinan kepada manusia. Kemungkinan pertama ialah memberi kebaikan yang sangat banyak kepada manusia. Kemungkinan kedua ialah memberi bahaya keganasan dan kuman kepada manusia.

Walaupun begitu haiwan unik ini pada umumnya masih bebas hidup bersama masyarakat manusia sejak zaman berzaman. Hal ini juga menunjukkan betapa haiwan ini tidak perlu disisihkan sepenuhnya kecuali jika berlaku keadaan luar biasa dari tabiatnya yang jinak seperti mengganggu ketenteraman dan membahayakan kehidupan manusia.

Secara khusus, artikel ini tidak berhasrat menghuraikan secara lanjut persoalan hukum anjing dalam Islam. Hal ini demikian kerana Bahagian Pengurusan Fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah mengeluarkan sebuah artikel berjudul Kedudukan Anjing Dalam Islam Serta Hukum Berkaitannya yang boleh dirujuk untuk mendapat maklumat mengenai haiwan anjing dalam pandangan Islam. (<http://www.e-fatwa.gov.my/blog/kedudukan-anjing-dalam-islam-serta-hukum-berkaitannya>)

Namun daripada sudut keterkaitannya dengan masyarakat Melayu Islam di

Malaysia, wajar difahamkan tentang beberapa bentuk pandangan Islam yang telah dilunaskan oleh para ulama terhadap haiwan anjing. Kenyataan dari pihak keagamaan Islam yang rasmi di Malaysia seperti Jakim yang dipaparkan dalam media di atas menunjukkan kepada sikap dan pandangan Mazhab Syafii yang dipilih oleh ulama Melayu umumnya dan pihak keagamaan rasmi di Malaysia khususnya terhadap haiwan yang unik ini.

3. Anjing dalam dimensi pemikiran Melayu

Anjing dari sudut kepercayaan dan agama orang Melayu mengambil kedudukan yang istimewa. Orang Melayu percaya anjing yang bernama Qitmir daripada ahli al-Kahfi wajar diingati namanya. Pengarang *Tafsir Nur al-Ihsan*, sebuah kitab Jawi bidang Tafsir yang amat terkenal di Malaysia menyebut tentang kebaikannya. (Muhammad Said Umar, 1970) Sementara kitab-kitab Fekah Melayu silam seperti kitab *al-Sirat al-Mustaqim* karya Syeikh Nuruddin al-Raniri (al-Raniri. T.th.), *Sabil al-Muhtadin* karya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (al-Banjari. T.th.), *Bughyat al-Tullab* karya Syeikh Daud Fatani (al-Fatani. T.th.) dan lain-lain telah menegaskan hukum-hakam berkaitan anjing. Hasilnya orang Melayu yang bermazhab Syafii mengambil hukum yang sangat spesifik mengenai anjing sebagai najis mughallazah.

Dari sudut Sastera Melayu, Anjing dalam pepatah petitih Melayu dijadikan perumpamaan untuk diiktibar. Sebagai contoh, "Seperti melepaskan anjing yang tersepit", "Bagai anjing dengan bayang-bayangnya", "Anjing kurap", "Seperti anjing dan kucing" dan sebagainya tidaklah bermaksud buruk kepada anjing selain mengambil faedah daripada tabiat dan kelakuannya dalam kehidupan sebagaimana diambil iktibar daripada kelakuan haiwan-haiwan yang lain.

Dari sudut realitinya, orang Melayu tidak menjadikan anjing haiwan peliharaan atau teman. Kebun-kebun dan kandang-kandang ternakan mereka pun tidak dikawal oleh anjing. Bahkan tidak ada istana menggunakan anjing sebagai penjaga malah untuk berburu sekalipun. Lantaran daripada itu, orang Melayu sangat sensitif terhadap anjing dan kadang-kadang memandangi jujuk kepadanya. Bagaimanapun tidak pernah kedengaran orang Melayu suka menyiksa atau membunuh anjing dengan sewenang-wenangnya. Mereka juga tidak memandangi sebagai kesalahan kepada orang bukan Islam yang hidup bersama mereka untuk memegang anjing dan memeliharanya. Hanya yang mereka lakukan ialah tidak mendekati anjing kerana bimbang tersentuh dengannya. Oleh yang demikian, mereka tidak menunjukkan sikap terlalu mesra terhadap haiwan anjing. Sikap terlalu mesra terhadap anjing seperti berpelukan dengannya seperti yang dilakukan oleh sebahagian para peserta Melayu dalam program *I Want to Touch A Dog* yang dipaparkan dalam dua akhbar di atas dianggap tidak wajar dalam konteks budaya Melayu Islam di Malaysia.

4. Sensitiviti masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu jelas sekali masih kuat berpegang dengan hukum anjing sebagai najis mughallazah. Walaupun mereka mengetahui bahawa mazhab-mazhab Islam lain membolehkan anjing untuk disentuh tanpa perlu disamak,

tetapi mereka kekal memilih untuk tidak menukar pandangan dalam aspek ini kerana mereka sudah berpuas hati dengan pandangan Mazhab Syafii tentangnya.

Oleh itu, kemarahan masyarakat Melayu amat terserlah apabila titik sensitiviti mereka cuba diganggu walau dengan alasan yang rasional dan wajar seperti ingin mewujudkan rasa dan pemikiran yang lebih terbuka dalam kalangan masyarakat majmuk berbilang bangsa dan agama. Jika ada segelintir daripada anggota masyarakat Melayu yang cuba membawa fikiran baru seperti dalam kes di atas yang dilihat ingin mengubah budaya Melayu berlatar belakang kefahaman Islam beraliran Mazhab Syafii yang telah lama dipegang kuat, maka tentunya pihak tersebut akan menerima padah. Oleh itu, dengan timbulnya cacian dan ugutan bunuh dari kalangan mereka terhadap penganjur program *I Want to Touch a Dog* serta keseriusan pelbagai pihak berwenang dalam masyarakat dan negara menegah penganjuran program tersebut seperti yang dinyatakan dalam pelbagai teks artikel berita akhbar di atas, memberi petanda bahawa hal ini mencecah paras bahaya yang boleh mengundang bencana sosial yang besar jika tidak dibendung segera.

5. Kesatuan hati masyarakat Melayu dan Kesantunan mereka mempertahankan budaya Melayu

Realiti di atas menunjukkan kepada sebuah hakikat bahawa orang Melayu boleh bersatu hati dan tindakan dalam soal menjaga identiti Melayu serta mempertahankannya. Hal ini dibuktikan melalui kenyataan di media kontemporari seperti yang ditunjukkan di atas dari pelbagai pihak pimpinan politik Melayu tanpa mengira perbezaan parti dan juga beberapa pandangan dari tokoh agama sehingga kepada masyarakat umumnya yang sama-sama melihat kepada penganjur program *I Want to Touch a Dog* sebagai telah tersalah langkah. Keadaan ini menunjukkan bentuk kesatuan dan kesepaduan masyarakat Melayu yang unik dalam mempertahankan warisan budaya dan pemikiran Islamnya.

Para pemimpin masyarakat Melayu khususnya masih sedar peranan besar mereka dalam memelihara keharmonian masyarakat negara. Segala hal yang boleh menggugat keharmonian masyarakat perlu dibentasi dengan tegas dan segera. Dalam kes di atas, peranan yang dimainkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia Datuk Khir Jamil di atas telah menunjukkan bentuk ketegasan kerajaan dalam soal ini. Dari sudut fahaman politik yang berbeza dari parti kerajaan memerintah, ketegasan yang senada dari Mursyidul Am PAS iaitu satu sayap kepimpinan Melayu di Malaysia yang turut dititip oleh pihak akhbar dalam pelbagai artikelnya dapat menegaskan kebulatan pandangan para pemimpin Melayu dalam negara tanpa mengira perbezaan politik mereka dalam soal ini.

Para ulama Melayu seperti Mufti Perak, tokoh Maal Hijrah dan lain-lain juga sedemikian dalam menyuarakan pandangan mereka dalam pelbagai media maya. Ulama masih tetap menduduki posisi yang amat mustahak dalam kehidupan ahli masyarakat Melayu dan ummah Islam umumnya. Ulama Melayu tidak hanya sebagai tokoh ilmuwan yang menguasai dan memahami faham keagamaan, tetapi

dilihat berperanan sebagai penggerak, motivator dan perantara masyarakat ke arah perkembangan dan pembangunan ummah. Perilaku ulama Melayu dalam masyarakatnya selalu menjadi teladan. Ucapan ulama Melayu tetap menjadi rujukan ummah Melayu Islam. (Haidir Fitra Siagian, Mohd. Yusof Hj. Abdullah, Normah Mustaffa & Fauziah Ahmad. 2014) Oleh yang demikian para ulama Melayu tegas sekali menyuarakan pandangan mereka dalam soal membabitkan hukum hakam Allah SWT.

Peranan agensi kerajaan seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, MAIS dan terutamanya Jakim bekerjasama sebagai wakil pihak berwewenang paling kerap dirujuk dalam isu semasa masyarakat Islam di Malaysia telah terserlah dengan berkesan. Kenyataan rasmi, teguran dan fatwa yang diwartakan mereka berkenaan isu menunjukkan keprihatinan yang tinggi dalam aspek memelihara agama dan keberagamaan masyarakat Islam Malaysia khususnya masyarakat Melayu Islam.

Sikap masyarakat awam Melayu juga harus dilihat dalam konteks ini. Tindakan sebahagian anggota masyarakat awam Melayu seperti melepaskan cacian dan ugutan bunuh kepada penganjur program *I Want to Touch a Dog* sebagaimana dinyatakan dalam akhbar mengingatkan kita kepada semangat orang Melayu zaman silam yang penuh dengan sifat tegas, berani dan berang terhadap pencerobohan hak Melayu dan Islam. Meskipun cacian dan ugutan bunuh dari mereka itu kepada penganjur program boleh melahirkan tanggapan buruk terhadap mereka, namun pada realitinya ia tetap menunjukkan kepada kekentalan masyarakat Melayu secara umum dalam soal mempertahankan hak bangsa dan kebebasan mereka dalam memilih pandangan keagamaan. Oleh itu cacian dan ugutan di atas dapat ditafsirkan sebagai amaran keras dari mereka.

Akhirnya pihak media Malaysia sendiri turut memainkan peranan yang berkesan dengan mendedahkan hal ini kepada khalayak secara berterusan dengan liputan ringkas yang dapat membuka minda khalayak pembaca. Ulasan dari pelbagai pihak yang disediakan oleh editor media kali ini membantu menjadikan isu ini penuh kontroversi tetapi terkawal. Mungkin kerana pihak sistem amalan media Malaysia sedia dimaklumi terikat dengan undang-undang dan polisi kerajaan (Dafrizal, Faridah Ibrahim, Chang Peng Kee & Fauziah Ahmad. 2013) menjadikan amalan penyiaran dan penyebaran agak terkawal meskipun publisiti tetap diperlukan untuk mensensasikan berita. Dalam kajian ini, bahan berita yang disajikan dalam dua akhbar nasional tempatan Malaysia yang paling terkenal iaitu *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* dilihat mampu memperlihatkan bentuk komunikasi rakyat Malaysia yang masih normal dan stabil walaupun dalam menangani isu-isu kontroversi yang melanda masyarakat. (Mohd Yahya Mohamed Ariffin & Md. Sidin Ahmad Ishak. 2010) Situasi ini menunjukkan kepada salah satu cara masyarakat Melayu menggunakan teknologi media massa yang ada dalam pelbagai soal kehidupan termasuk melakukan protes secara beradab untuk mempertahankan budaya Melayu yang disinggung.

KESIMPULAN

Sesungguhnya tidak dapat dinafikan, betapa media massa telah memainkan peranan dalam menyebarkan, memarak dan meneutralkan konflik yang berlaku mengenai isu tersebut. Dalam isu di atas, media massa dilihat bekerja meningkatkan pengetahuan dan mempengaruhi sikap penonton tentang isu-isu yang ingin disampaikan. Juga media massa bertindak sebagai sumber yang tepat dan strategik untuk melakukan perubahan dalam masyarakat. Media massa berorientasi sebagai organisasi yang bertanggungjawab dalam memastikan penyebaran maklumat supaya orang awam dapat membuat keputusan yang bijaksana dalam kehidupan mereka. Media juga mampu membentuk minda dan pandangan masyarakat terhadap sesuatu isu. (Suraini Ghazali, Hasrina Mustafa & Bahiyah Omar, 2014) Menurut Suriani, media massa telah menjadi pengampang atau *gate-keepers*, maka sesuatu pilihan maklumat yang disampaikan media, dilihat mampu membentuk nilai, sikap dan tanggapan yang berbeza dalam kalangan masyarakat. Pada asasnya, penggunaan media seperti akhbar, radio, televisyen, internet berkait rapat dengan usaha membentuk perubahan di dalam diri masyarakat. Media massa memainkan peranan yang besar dalam mencorak perubahan sosial terhadap masyarakat. Hal ini demikian kerana capaian media massa adalah begitu meluas. (ibid.) Dalam konteks identiti Melayu Malaysia, penerimaan Islam dan adat telah menjadi faktor penting dalam proses pembentukan identiti Melayu. (Lily El Ferawati Rofil, Md Azalanshah Md Syed & Azizah Hamzah, 2015) Justeru, menurut Lily, Islam dan adat Melayu merupakan ciri yang bersifat subjektif dalam menentukan sama ada seseorang individu itu boleh menjadi sebahagian daripada masyarakat Melayu atau tidak. Juga, isu yang di ketengahkan oleh media massa selama dua bulan di atas itu telah berhasil memperlihatkan survival Melayu Malaysia mempertahankan identiti Melayu mereka dengan cara yang berhemah dan bijaksana.

BIODATA PENULIS

Muammar Ghaddafi bin Hanafiah adalah pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa, Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu (PPBKKM) Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memegang ijazah B.A (Kepujian) Bahasa Arab dan Kesusasteraannya (Universiti Yarmuk, Jordan), M.A. Falsafah (UKM) dan Ph.D (UKM). Bidang penyelidikan menfokus kepada pemikiran Melayu/Islam dan kajian budaya.

Mohd Yuszaidy bin Mohd Yusoff adalah pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa, Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu (PPBKKM), Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memegang ijazah B.A (Kepujian), M.A. (UMalaya) dan Ph.D (UKM). Bidang penyelidikan meneliti kajian sosiobudaya, warisan dan pemuziuman.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul Rahman Haji Abdullah. (1997). *Pemikiran Islam di Malaysia, Sejarah dan Aliran*. Jakarta: Gema Insani Press.

Al-Banjari, Muhammad Arshad ibn 'Abd Allah. (t.th.). *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din*. Thailand: Matba'ah Bin Halabi.

Dafrizal, Faridah Ibrahim, Chang Peng Kee & Fauziah Ahmad. (2013). Trend Pemberitaan Isu Keganasan Dalam Akhbar Perdana Malaysia Dan Indonesia, *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal Of Communication*. 29(2): 189-202

e-Fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, Bahagian Pengurusan Fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). (2013). Kedudukan Anjing Dalam Islam Serta Hukum Berkaitannya. hlm. 1-20. <http://www.e-fatwa.gov.my/blog/kedudukan-anjing-dalam-islam-serta-hukum-berkaitannya>. [7 Jun 2015]

Facebook Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Government Official. (2014). <https://www.facebook.com/JabatanKemajuanIslamMalaysia>. [7 Jun 2015]

Al-Fatani, Dawud ibn 'Abd Allah ibn Idris. (t.th.) *Bughyat al-Tullab li Murid Ma'rifat al-Ahkam bi al-Sawab*. Thailand: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Awladih.

Haidir Fitra Siagian, Mohd. Yusof Hj. Abdullah, Normah Mustaffa & Fauziah Ahmad, Bentuk Komunikasi Penyertaan Ulama Selaku Pemimpin Pendapat dalam Menyokong Pembangunan Nasional di Provinsi Sulawesi Selatan. (2014). *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. 30(2) 2014: 1-20

Idris Awang & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2007). Pembudayaan Mazhab Syafi'i Dalam Masyarakat Islam Malaysia, *Jurnal Fiqh: No. 4 (2007) 157-172*, Universiti Malaya. [7 Jun 2015]

Lily El Ferawati Rofil, Md Azalanshah Md Syed & Azizah Hamzah, "Jadi Melayu": Televisyen Dan Pembentukan Identiti Wanita Kuturunan Jawa Di Malaysia. (2015). *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. 31(1) 2015: 41-58

Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid. (2007). Mazhab Syafi'i di Malaysia: Sejarah, Realiti Dan Prospek Masa Depan Oleh: *Jurnal Fiqh: No. 4 (2007) 1-38*. Universiti Malaya.

Mohd Nizam Sahad, Penggunaan Azimat Pelaris Perniagaan Menurut Pespektif Akidah Islam. (2015). *Jurnal Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 8(1): 8-44.

Mohd Yahya Mohamed Ariffin & Md. Sidin Ahmad Ishak. (2010). Amalan Penyediaan Dan Penulisan Bahan Siaran Media Di Malaysia: Kajian Analisis Kandungan, *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*. 26: 1-16.

- Muhammad Said Umar. (1970). *Tafsir Nur Al Ihsan*. Jilid 3. Fatani. Thailand: Matba'ah bin Halabi, hlm. 4.
- Nik Abd. Aziz bin Haji Nik Hassan (t.th.). Perbahasan Tentang Jilatan Anjing: Suatu Perhatian, <http://journalarticle.ukm.my/527/1/1.pdf>. hlm. 173-180. [7 Ogos 2015]
- Qal'aji, Muhammad & Qanibi, Hamid Sadiq. (1988). *Mu'jam Lughat al-Fuqaha`*. t.tp. Dar al-Nafa`is.
- Al-Raniri, Nur al-Din Muhammad Jilani ibn °Ali Hasanji. (t.th.) *al-Sirat al-Mustaqim* dlm. al-Banjari, Muhammad Arshad ibn °Abd Allah. (t.th.) *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din*. Thailand: Matba'ah Bin Halabi.
- Al-Shanqiti, Muhammad Amin. (1995). *Adwa` al-Bayan fi Iyдах al-Quran bi al-Quran*, jil. 3, hlm. 226. Beirut: Dar al-Fikr.
- Suraini Ghazali, Hasrina Mustafa & Bahiyah Omar. (2014). Kesan Drama Hibur-Didik dan Dokumentari dalam Mempengaruhi Niat untuk Menderma Organ: Satu Eksperimen Berteraskan Model Elaboration Likelihood. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. 30(2): 1-20,